

08/09/2003

Yasmine tiba di Amman

Azman Abdul Hamid

AMMAN: Kanak-kanak perempuan Iraq yang kudung kerana serangan bom tentera Amerika Syarikat, Yasmine Wa'adi, selamat tiba awal semalam di sini, bersama bapanya, Wa'adi Makhtoor Hasan.

Yasmine, 9, dan bapanya yang diiringi empat wakil pertubuhan sukarela Aman Malaysia, tiba dengan pesawat Royal Jordanian Flight 186 pada 6.10 pagi waktu tempatan (11.10 pagi waktu Malaysia).

Turut menyambut kepulangan Yasmin di Lapangan Terbang Antarabangsa Queen Alia ialah duta Malaysia ke Jordan, Datuk Syeed Sultan Seni Pakir dan beberapa kakitangan kedutaan.

Dua wakil Aman Malaysia itu ialah Pengarah Projek Misi Keamanan Global, Azlan Mohamad Sharif dan Setiausaha Eksekutif Pemuda Umno, Ahmad Amryn Abdul Malek.

Yasmin dan bapanya akan memulakan perjalanan pulang selama 10 jam ke kampung halaman iaitu Al-Saab pada 2 pagi ini (7 pagi waktu Malaysia).

Yasmine kehilangan dua kakinya apabila kediamannya di Al-Saab, 20 kilometer di tenggara Baghdad, musnah terkena bom tentera Amerika, 9 April lalu.

Yasmine tiba di Malaysia pada 5 Mei lalu bagi mendapatkan rawatan kakinya bagi mengeluarkan serpihan bom.

Dia kemudian menjalani pemulihan serta latihan menggunakan kaki palsu yang diterima pada 26 Ogos lalu.

Dia dibawa ke Malaysia atas inisiatif Pasukan Media Bersama Malaysia (JMTM) yang dipimpin Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Datuk Ahmad A Talib.

Selepas beberapa lama berada di Malaysia, Yasmine kini boleh berbual dalam bahasa Malaysia dan Inggeris serta turut bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebelum pulang ke tanah airnya.

Pada majlis perpisahan Yasmine di Hotel Swiss Garden, kelmarin, Ahmad berharap kanak-kanak itu dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

"Saya harap dia hidup normal seperti rakan sebaya di Baghdad. Mungkin ada beribu-ribu lagi orang lain yang mengalami nasib sepertinya di Iraq tetapi dia menjadi simbol kita boleh membantu orang lain," katanya.